

SULIT
3757/2
EKONOMI
ASAS
KERTAS 2
NOVEMBER
2001
2 JAM

3757/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan.*
- 2. Jawab mana-mana 4 soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Jawab mana-mana *empat* soalan.

1. (a) Terangkan bagaimanakah Sistem Ekonomi Kapitalis lebih baik daripada Sistem Ekonomi Perancangan Pusat dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi. [8 m]
 - (b) Apakah kos lepas dan bagaimanakah konsep kos lepas dapat dijelaskan berdasarkan unit-unit dalam ekonomi. [8 m]
 - (c) Huraikan jenis-jenis pekerjaan mengikut sektor dalam ekonomi. [9 m]
2. Soalan 2 adalah berdasarkan petikan di bawah.

Encik Muhamad

Jawatan : Pengurus Syarikat Tawakkal Sdn. Bhd.
Gaji : RM 3 000.00
Status : Berkahwin (Isteri tidak bekerja)
Anak : Empat orang yang masih bersekolah
Taraf : Mencarum dalam KWSP sebanyak 11 %

Encik Firdaus

Jawatan : Guru Siswazah SMK Kuala Terengganu
Gaji : RM 3 000.00
Status : Bujang
Taraf : Pencen (tiada caruman di KWSP)
Insuran : RM 1 000.00 setahun
Nyawa

Kadar Cukai

RM 10 000	pertama	RM 300.00
RM 10 000	kedua	8 %
RM 10 000	berikut	10%

- (a)
 - i) Hitungkan jumlah cukai yang perlu dibayar oleh Encik Muhamad dan Encik Firdaus dalam setahun [8 m]
 - ii) Mengapakah jumlah cukai yang perlu dibayar oleh Encik Muhamad dan Encik Firdaus berbeza? [4 m]
 - (b) Berdasarkan rajah yang sesuai, bagaimanakah hukum permintaan dan hukum penawaran dapat dijelaskan. [13 m]
3. (a)

Syarikat Kewangan DINIE

Menolong menyelesaikan masalah kewangan anda
Kadar pinjaman adalah paling rendah

Sila hubungi 09-6815232 atau 09-6192844

Pernyataan di atas menunjukkan salah satu sumber pinjaman bagi individu dengan syarat-syaratnya.

Huraikan dalam keadaan apakah seseorang individu akan membuat pinjaman?

[10 m]

- (b) Cik Nur Alya telah tamat pelajaran di sebuah universiti tempatan dan telah menjadi seorang guru sebuah sekolah menengah di bandar Kuala Terengganu. Pada pendapat anda, mengapakah Cik Nur Alya memilih pekerjaan tersebut. [15 m]

4. (a) Apakah permintaan?
Terangkan hubungan antara harga dengan kuantiti permintaan dengan menggunakan jadual dan keluk permintaan. [13 m]
- (b) Selain dari harga barang itu sendiri, terdapat faktor lain juga yang mempengaruhi permintaan terhadap sesuatu barang. Jelaskan. [12 m]

5.

Faktor Tetap	Faktor Berubah	Jumlah Keluaran	Keluaran Purata	Keluaran Sut
1	0	0	-	-
1	1	50	50	50
1	2	130	65	80
1	3	230	76.6	100
1	4	300	75	70
1	5	330	66	30
1	6	336	56	6
1	7	336	48	0
1	8	320	40	-16

Jadual 1

- (a) Berdasarkan Jadual 1 di atas, terangkan hubungan antara jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut. [7 m]
- (b) Berdasarkan peristiwa berikut, jelaskan kesannya keatas pasaran ikan. (Setiap peristiwa adalah berasingan)
- Angin monsun melanda Pantai Timur Semenanjung.
 - Teknik moden menangkap ikan telah ditemui oleh LKIM.
 - Sejenis virus bahaya telah menyerang ternakan ayam di Pantai Barat Semenanjung Malaysia
 - Industri mengetin ikan di Malaysia telah meningkatkan keluarannya untuk eksport [12 m]
- (c) Berikut ialah kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesebuah firma.

Bahan Mentah
Cukai jualan
Sewa tapak perkilangan
Insurans kebakaran kilang

Berdasarkan maklumat di atas,

- Tentukan jenisnya. [2 m]
- Terangkan setiap jenis kos tersebut. [4 m]

6. (a)

Tahun	Jumlah (unit)
1997	44 105
1998	32 980
1999	26 599

Jualan Kereta Persendirian dari tahun 1997 hingga 1999

Berdasarkan jadual 2 di atas, jualan kereta persendirian dari tahun 1997 hingga 1999 telah merosot.

Terangkan faktor-faktor yang mungkin menyebabkan perubahan tersebut.

[10 m]


- (b) Pengguna yang menggunakan segala keperluan hidup adalah juga orang yang ketika bekerja menjadi pembekal, samada pembekal barangan atau perkhidmatan ...

Berita Harian 5 Mei 2000

Lukiskan rajah aliran dalam ekonomi dua sektor untuk menggambarkan keadaan yang dinyatakan dalam petikan akhbar di atas.

[9 m]

6. (c) Harga (RM)



Permintaan dan Penawaran Pasaran Bagi Kerusi Plastik

Rajah 1

Terangkan keadaan permintaan dan penawaran bagi kerusi plastik pada setiap titik berikut :

- i. M
- ii. O
- iii. Q

[2 m]

[2 m]

[2 m]